

Contohi Keteguhan Prinsip Sufyan al-Thauri

Pengenalan

Umum mengetahui bahawa kesinambungan agama Islam yang ditinggalkan oleh para sahabat Nabi SAW telah diteruskan dengan cukup cemerlang oleh golongan *tabi'in*. Justeru, setelah kewafatan para sahabat Nabi SAW, para *tabi'in* bertebaran ke serata pelusuk negara bagi menyambung tanggungjawab besar menyampaikan risalah agama Islam. Rentetan dari realiti berkenaan, telah lahir ramai para tokoh *tabi'in* dalam mengalas tugas yang mulia ini malahan terdapat dalam kalangan mereka yang memiliki pengaruh yang besar di dalam masyarakat.

Namun begitu, mereka tidak pernah menjadikan pengaruh yang dimiliki sebagai “batu loncatan” untuk memuaskan nafsu duniawi yang diinginkan. Situasi inilah yang dimiliki oleh para tokoh yang terdahulu, antaranya seperti Sufyan al-Thauri yang merupakan tokoh pada zamannya.

Sesuai dengan keperibadian dan keluasan ilmu yang dimiliki olehnya, beliau acapkali menjadi rujukan penting untuk memutuskan sesuatu permasalahan penting dalam kalangan umat dikala masih terdapat para sahabat Nabi SAW pada zaman tersebut. Malahan beliau juga turut menjadi rujukan kepada para penguasa dan pemerintah dalam memutuskan sesuatu isu yang timbul. Tidak dinafikan, terdapat segelintir para pemerintah ataupun rakyat marhen yang cuba menjadikan kata-kata Sufyan al-Thauri untuk “menghalalkan” tindakan mereka. Menyedari hakikat ini, beliau mempunyai pengangan yang jelas dalam kelunakan berhadapan dengan para penguasa dan masyarakat.

Oleh yang demikian, penulisan yang dihasilkan ini akan melihat secara lebih dekat diri Sufyan al-Thauri yang mempunyai sisi yang menarik untuk diketahui sebagai tokoh *tabi'in* yang menjadi rujukan para masyarakat pada zamannya.

Nama dan Kelahiran

Menurut pandangan Ibn Sa`ad, al-Tobari, Ibn Hazm dan al-Qalqasyandi, berpandangan nama beliau adalah Sufyan Ibn Sa`id Ibn Masyruq Ibn Rafi` Ibn `Abd Allah Ibn Mauhibah Ibn Ubay Ibn `Abd Allah Ibn Munqidh Ibn Nasr Ibn al-Harith Ibn Tha`labah Ibn `Amir Ibn Milkan Ibn Thur Ibn `Abd Mannat Ibn Addibn Tabikhah Ibn Ilyas Ibn Mudhar Ibn Nazar.

Terdapat beberapa pandangan dalam menentukan tarikh kelahiran beliau. Menurut Abu Nu`aim, mengatakan Sufyan al-Thauri lahir pada tahun 95 hijrah manakala menurut Ali ibn Saleh, mengatakan Sufyan al-Thauri lahir pada tahun 100 hijrah. Pandangan yang mahsyur mengatakan Sufyan al-Thauri lahir pada tahun 97 hijrah seperti yang telah dinyatakan oleh Ibn Sa`ad, al-Waqidi dan al-Bukhari. Para tokoh sejarah bersepakat mengatakan Sufyan al-Thauri dilahirkan di Kufah semasa pemerintahan Sulaiman ibn `Abd al-Malik.

Pendirian Sufyan al-Thauri Dalam Dakwah

Apabila para pembaca menyoroti perjalanan sejarah Sufyan al-Thauri, akan diketahui ketegasannya apabila mendepani pelbagai kerenah daripada pelbagai pihak termasuklah pemerintah ketika itu. Walaupun begitu, jika dilihat dari sisi yang lain, Sufyan al-Thauri mempunyai perwatakan seorang yang suka bergourau yang menyebabkan para muridnya mudah terhibur dengannya ketika mereka bergaul sesama mereka. Inilah telah dinyatakan oleh salah seorang muridnya iaitu Qabisah ibn Uqbah dan dinukilkan perkara ini di dalam kitab *Siyar `Alam al-Nubala`* oleh al-Imam al-Dhahabi.

Disebalik kemesraan beliau ketika bergaul, Sufyan al-Thauri mempunyai prinsip yang tegas sekiranya perkara yang melibatkan kebertanggungjawabannya dengan hal-hal agama yang akan dipersoalkan oleh Allah SWT kelak. Bagi memberi gambaran terhadap situasi ini, penulis membawakan dua kisah Sufyan al-Thauri ketika berhadapan dengan pemerintah;

a) Sufyan al-Thauri dan Khalifah al-Mahdi

Khalifah al-Mahdi telah menzahirkan hasratnya kepada seorang wanita yang bernama al-Khaizuran binti `Atta` untuk berkahwin dengannya, tetapi hasrat berkenaan telah ditolak oleh wanita berkenaan. Bagi menyakinkan kembali wanita itu, Khalifah al-Mahdi mencadangkan agar hasrat tersebut dibawakan kepada pengetahuan Sufyan al-Thauri.

“adakah perlu aku membawa perkara berkenaan kepada Sufyan al-Thauri untuk menasihati engkau” tanya Khalifah al-Mahdi kepada al-Khaizuran binti `Atta`.

Cadangan tersebut telah dipersetujui oleh Khaizuran binti `Atta`. Apabila berita tersebut diangkat kepada pengetahuan Sufyan al-Thauri, Khalifah al-Mahdi membacakan potongan ayat dalam surah al-Nisa` pada ayat ke-3 sebagai jalan membenarkan hasratnya itu. Ayat tersebut bermaksud,

“maka kahwinilah kalian dengan siapa yang kalian inginkan dari perempuan-perempuan, dua, tiga atau empat...”

Setelah membaca potongan ayat itu, Khalifah al-Mahdi terus diam. Sufyan al-Thauri meminta kepadanya untuk menyempurnakan ayat yang dibacanya. Lalu dia menyambung bacaan tersebut:

“Kemudian jika kamu bimbang tidak berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka cukuplah dengan seorang sahaja”

Setelah dibaca sambungan ayat tersebut, Sufyan al-Thauri terus berkata kepada khalifah berkenaan,

“engkau tidak adil”

Mendengar jawapan demikian, maka Khalifah al-Mahdi cuba memberikan kepada Sufyan al-Thauri wang sebanyak 10 ribu dirham sebagai jalan agar Sufyan al-Thauri membenarkan Khalifah al-Mahdi berkahwin dengan al-Khaizuran binti `Atta`. Tetapi dengan tegasnya Sufyan al-Thauri menolaknya.

b) Sufyan al-Thauri dan Khalifah Abu Ja`far al-Mansur

Selepas kematian Abu Hanifah yang mati dibunuh pada tahun 150 Hijrah di dalam penjara kerana menolak jawatan sebagai Qadi, Khalifah Abu Ja`far al-Mansur yang merupakan khalifah di Baghdad pada ketika itu mencari seseorang yang `alim untuk menjawat jawatan berkenaan. Justeru, telah dicadangkan nama Sufyan al-Thauri sebagai orang yang paling sesuai menjawat jawatan berkenaan. Setelah ditawarkan kepadanya beberapa kali, Sufyan al-Thauri tetap berkeras menolak jawatan itu kerana beliau seorang yang tidak sanggup melihat kemungkaran yang berlaku di hadapan matanya. Bagi menyelamatkan dirinya daripada terus didesak memenggang jawatan itu, beliau mengambil keputusan untuk melarikan diri ke Basrah pada tahun 155 Hijrah. Di Basrah, beliau berkerja sebagai pemetik buah tamar, setelah dapat diketahui keberadaannya di sana beliau melarikan diri pula ke Yaman. Ketika di Yaman, Sufyan al-Thauri mendapat perlindungan daripada Khalifah Ma`an ibn Zaidah dan beliau bebas bergerak ke mana sahaja di Yaman tanpa ada orang yang memerhatikannya.

Pada tahun 158 Hijrah ketika musim haji Sufyan al-Thauri telah keluar dari Yaman menuju ke Mekah untuk menunaikan haji. Pada tahun yang sama juga Khalifah Abu Ja`far al-Mansur turut berangkat ke Mekah dengan tujuan yang sama. Keberadaan Sufyan al-Thauri di Mekah telah diketahui oleh Khalifah Abu Ja`far dan membuatkan khalifah menulis surat kepada pemerintah di Mekah untuk menangkap dan membunuh Sufyan al-Thauri.

Sufyan al-Thauri yang mengetahui tentang berita tersebut, beliau menyembunyikan diri di sebalik kelambu Kaabah, lalu beliau bersumpah dan berdoa kepada Allah SWT supaya tidak membenarkan Khalifah Abu Ja`far memasuki Mekah. Berkat doa dan karamah yang diberikan Allah SWT kepadanya, Khalifah Abu Ja`far telah jatuh sakit dan wafat sebelum beliau memasuki Mekah.

Setelah kematian Khalifah Abu Ja`far, takhta pemerintahan Bani Abbasiyah telah diberikan kepada anaknya iaitu Khalifah al-Mahdi. Khalifah al-Mahdi sekali lagi telah menawarkan kepada Sufyan al-Thauri jawatan Qadi seperti mana yang telah ditawarkan ketika zaman bapanya. Namun begitu, Sufyan al-Thauri tetap menolaknya dan beliau telah melarikan diri ke Basrah. Di sana beliau berada di rumah Yahya ibn Sa`id al-Qathan, yang juga merupakan tokoh hadith pada zamannya.

Kewafatan

Sufyan al-Thauri telah wafat pada bulan Sya`ban tahun 161 Hijrah di Basrah semasa pemerintahan Khilafah al-Mahdi menurut majoriti pandangan seperti al-Bukhari, al-Tobrani, al-Hakim, al-Sam`ani, Ibn al-Jauzi, Ibn al-Athir dan sebagainya. Namun, terdapat juga pandangan yang mengatakan beliau wafat pada tahun 162 Hijrah seperti mana pandangan Khilafah bin Khiyat tetapi pandangan ini ditolak. Terdapat perbezaan pandangan dalam menentukan usianya ketika kewafatannya dan pandangan yang paling *sahih* ialah beliau wafat ketika umurnya 64 tahun.

Penutup

Oleh yang demikian, berdasarkan dua kisah yang dinyatakan ini secara jelas dapat diambil pengajaran bagaimana ketegasan Sufyan al-Thauri apabila berinteraksi dengan mereka yang mempunyai kedudukan di dalam sesebuah negara. Sufyan al-Thauri telah meletakkan

tanggungjawabnya di akhirat itu melebihi kepentingan duniawi. Bukan hanya jawatan dan kedudukan yang dicari olehnya tetapi beliau telah memandang bagaimana hendak menjawab segala apa yang dipertanggungjawabkan di dunia ini apabila berhadapan dengan Allah SWT. Maka ini adalah cebisan kisah daripada pada *salafus soleh* yang wajar dijadikan sebagai panduan kepada kita pada hari ini.

(Artikel ini disumbangkan oleh Kapt Dr Mohd Nor Adli bin Osman; Jurulatih ILMI ATM)